


Biro Bantuan Guaman


PANDUAN UNTUK

Penyataan Dalam Talian




JIMATKAN MASA. GUNAKAN DALAM TALIAN!

- Pemohonan Bantuan Guaman
- Hantarkan maklumat kepada kami
- Dapatkan maklumat terkini tentang kes anda dan lebih lagi!



Kandungan



Muka Surat

3 Cara-cara untuk mengemukakan pernyataan secara dalam talian


9 Soalan Lazim
-Kelebihan dan garis masa mengemukakan Penyataan Dalam Talian

10 Soalan Lazim
-Dokumen untuk disediakan

11 Soalan Lazim
-Dokumen untuk disediakan

12 Soalan Lazim
-Kaedah-kaedah alternatif jika anda tidak mempunyai komputer

13 Soalan Lazim
-Langkah seterusnya selepas menghantar pernyataan dalam talian



Cara-cara untuk mengemukakan pernyataan secara dalam talian


1

LANGKAH 1

Sila lawati laman web kami <http://go.gov.sg/mlawlabesvc> atau imbaskan kod QR yang diterterakan sebelah kanan:

Jika anda menggunakan telefon bimbit, sila tekan pada ikon yang memaparkan tiga baris seperti ditunjukkan di bawah.

Jika anda menggunakan komputer meja atau komputer riba, sila teruskan ke langkah seterusnya.




Cara menghantar Penyataan Dalam Talian

2

LANGKAH 2



Klik pada "Untuk Pemohon (Portal Pemohon)", kemudian klik "here" di sini untuk log masuk kepada Portal Pemohon.



3

LANGKAH 3

Anda akan memerlukan akaun SingPass untuk log masuk. Anda boleh log masuk melalui aplikasi SingPass atau menggunakan ID SingPass dan kata laluan anda.






Cara menghantarkan Pernyataan Dalam Talian

4

LANGKAH 4

Klik tab untuk kes anda.

Klik “Give Statement”
(ertinya: Berikan Pernyataan).



Cara menghantar Penyataan Dalam Talian

LANGKAH 5

5

Chatbot "Make Statement" akan dipaparkan.

Anda boleh klik pada soalan yang sering ditanya (Soalan Lazim) jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai soalan yang berkenaan.

Sebaliknya, jika anda sudah bersedia untuk memberi pernyataan anda, anda boleh klik pada "Yes, I'd like to make my statement and am willing to accept legal advice." ("Ya, saya ingin membuat pernyataan saya dan saya akan menerima nasihat guaman.") Beberapa siri soalan akan muncul. Sila berikan jawapan yang paling lengkap dan tepat.

Make Statement



You are about to make a statement regarding your case. This statement will be used to present your case to the Legal Aid Board for evaluation.

You can save a trip down to LAB by submitting your statement and all the supporting documents online.

Here are some FAQs to read before we start:

What happens after I have submitted? Will anyone contact me?

Once I submit, is the statement final? Can I still make changes?

Is there a deadline? When must I complete making my statement?

Should I only provide details that are favourable for me?

What if I don't have all the details or feel unsure how to answer the questions?

Looks like you're ready to start making your statement which will take around 30-40 minutes. Would you like to start now?

Yes, I'd like to make my statement and am willing to accept legal advice.



Cara meghantar Pernyataan Dalam Talian



LANGKAH 6

6

Seperti yang dilihat di sebelah kanan (contoh kes perceraian), soalan-soalan akan disediakan untuk anda memilih / mengisi.

Anda boleh memilih / mengisi jawapan anda dengan sewajarnya.

Setelah anda mengisi semua jawapan, anda boleh menatal ke bahagian bawah halaman dan klik "Save and go to next page" ("Simpan dan pergi ke halaman seterusnya"). Anda akan dibawa ke halaman seterusnya untuk memberikan jawapan lanjut.



Cara menghantar Pernyataan Dalam Talian

LANGKAH 7

7

Pada halaman terakhir (Form Submission), anda boleh membaca melalui panduan yang sedia ada dan tandakan kotak tanda.

Setelah selesai, anda sudah bersedia untuk hantarkan penyata anda!

Klik pada "Submit my Answers" ("Hantarkan Jawapan Saya") untuk menghantar pernyataan dalam talian anda.

Jika anda melihat chatbot (seperti di dalam gambar di bawah), ini bermakna Pernyataan anda sudah berjaya dihantar.

Anda boleh klik butang "Print Receipt" dan/atau "Download Statement" untuk tujuan rekod anda sendiri.



Soalan Lazim

Q

Apakah kelebihan
melengkapkan Penyataan
Dalam Talian?

A

Melengkapkan kenyataan anda dalam talian menjimatkan masa kerana anda boleh memulakan proses sebelum temujanji anda dengan Eksekutif Guaman.

Selain itu, terdapat kemudahan dan fleksibiliti kerana anda boleh menghantarkan penyataan anda pada bila-bila masa atau di mana sahaja, mengikut kesesuaian anda.



Soalan Lazim

Q

Apakah garis masa untuk melengkapkan Penyataan Dalam Talian saya?

A

Anda akan menerima Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dan/atau pemberitahuan emel untuk melengkapkan Penyataan Dalam Talian anda sebaik sahaja anda lulus Ujian Kelayakan Kemampuan. Sila lengkapkan Penyataan Dalam Talian anda dalam tempoh 4 hari bekerja dari tarikh anda lulus Ujian Kelayakan Kemampuan.



Soalan Lazim

Q

Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan untuk saya mengisi Penyataan Dalam Talian?

Sebarang dokumen yang berkaitan dengan kes anda

A

Anda boleh merujuk kepada contoh-contoh di bawah ini (sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap).

1. **Perceraian**: Sijil nikah, Sijil Kelahiran dan Perintah Perlindungan Peribadi/dokumen berkaitan nafkah (jika ada).
2. **Penguatkuasaan/perubahan Perintah Mahkamah (EVC)**: Perintah Mahkamah.
3. **Surat Pentadbiran (LA)/Probet**: Sijil Kematian, dokumen berkaitan dengan aset si mati (contohnya buku bank, Polisi Insurans) dan wasiat si mati (jika ada).
4. **Perceraian Mahkamah Syariah (SYC)**: Penyataan Kes, Memorandum Pembelaan, Rancangan Keibubapaan Yang Dicadangkan, Cadangan Rancangan Harta Sepencarian, Pemberitahuan Mahkamah dan sebarang dokumen sokongan lain.

Soalan Lazim

Q Bagaimanakah saya menghantar Penyataan Dalam Talian jika saya tidak mempunyai komputer?

Anda boleh menggunakan telefon pintar anda untuk melengkapkan Penyataan Dalam Talian anda.

A

Anda juga boleh menggunakan terminal komputer di:

a. Pusat Perkhidmatan Kementerian Undang-undang (MSC) yang terletak di: 45 Maxwell Road, #07-11, The URA East Wing, Singapore 069118; atau

b. Rakan kongsi kami dengan Kelab Masyarakat (CC). Lokasi CC boleh didapati dengan mengunjungi laman web di sini atau mengimbas kod QR di bawah:



Soalan Lazim

Q

Apakah yang akan berlaku selepas saya menghantar Kenyataan Dalam Talian saya?

A

Eksekutif Guaman yang bertanggungjawab bagi kes anda akan menyemak Penyataan Dalam Talian anda yang telah hantarkan. Jika tiada penjelasan lanjut diperlukan, Penyataan Dalam Talian akan diserahkan kepada Pegawai Guaman yang bertanggungjawab bagi kes anda untuk semakan. Jika penjelasan diperlukan, Eksekutif Guaman akan menghubungi anda pada tarikh temujanji.